



MUKA HADAPAN

# NUBE sokong pelantikan Najib

KUALA LUMPUR 22 Sept. - Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) menyokong keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyerahkan jawatan Menteri Kewangan kepada timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Setiausaha Agung NUBE, J. Solomon berkata, pelantikan tersebut mampu menjana lebih banyak keuntungan kepada ekonomi negara.

"Najib telah membuktikan kepimpinan beliau di pelbagai kementerian sebelum ini. NUBE yakin beliau akan dapat meneruskan kejayaannya dalam menguruskan portfolio kewangan negara," katanya di sini hari ini.

"Malaysia bernasib baik tidak menerima kesan yang teruk akibat krisis kewangan Amerika Syarikat (AS) dan ini berikutan polisi kewangan negara yang dilaksanakan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Rabu lalu, Perdana Menteri mengumumkan pertukaran portfolio dengan Najib apabila mengambil alih Kementerian Pertahanan manakala Najib menjadi Menteri Kewangan berkuat kuasa serta merta.

NUBE juga katanya, yakin gandingan antara Najib dengan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop akan membawa lebih kemakmuran dan kesaksamaan sosial dalam negara.

Beliau turut berharap Timbalan Perdana Menteri itu akan terus memberi perhatian kepada para pekerja industri perbankan terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

"NUBE menyeru kepada semua rakyat Malaysia memberi sokongan padu kepada pelan peralihan kuasa itu kerana ia akan mendatangkan banyak manfaat dalam ekonomi, keamanan dan keharmonian negara," katanya.

TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:

- Tiada tambatan ringgit
- Hakim tegur kes kerani 22 tahun tak selesai
- Ekonomi negara mampu harungi krisis kewangan dunia
- Tarikh lihat anak bulan Syawal 29 September
- Shahidan dilantik penasihat NCER
- Keputusan turunkan harga minyak 2 hari lagi
- NUBE sokong pelantikan Najib

IKLAN@UTUSAN

Google SHARE

Perang Psikologi @ 16 September Utusan Online TV
komen EPL 2008
Salam Perantauan 1429H/2008M
KIRIM eKad RAYA

IKLAN@UTUSAN




MENARIK




Mencari Sharlinie
- Download poster Mencari Sharlinie.
- Ikuti perkembangan terkini pencarian Sharlinie
- Download fotofit suspek.

- Geng@Utusan -- Hantar gambar anda dan jom sertai teman-teman di Geng Online

Sertai Kuiz Jom Gi Wayang

IKLAN@UTUSAN




IKLAN Teks

- Cyber Slim Center - 10kg dalam 30 hari
>> Langsingkan badan secara selamat, semula jadi
- SmartStudy - Kursus Motivasi & Teknik Belajar Bersama Osman Affan
- Pusat Pelangsingan Online Anda, turun 5-30kg.
>> Rahsia Mudah Langsing. Ketahuinya.
- Promosi ! 3GB hosting hanya RM80 setahun Syarikat Hosting 5 Teratas. Pendaftaran dibuka 24/7